BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/09/12

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 pada hari Rabu, 25 November 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Oktober 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat penurunan yang lebih kecil sebanyak -1.6% pada bulan Oktober.

- Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus meningkat disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi daripada sistem perbankan.

- Penunjuk pinjaman secara keseluruhan bertambah baik dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.5% dan 13.0%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/09/12

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 pada hari Rabu, 25 November 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Oktober 2009

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus meningkat kepada RM62 bilion pada bulan Oktober disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi melalui sistem perbankan. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.5% pada akhir bulan Oktober. Penunjuk pinjaman secara keseluruhan juga mencatat peningkatan pada asas bulanan meliputi sektor perniagaan dan sektor isi rumah.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap purata bagi semua tempoh pemegangan tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata juga tidak berubah pada 5.51% pada 15 November, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus stabil pada 4.91% pada akhir bulan Oktober.

Pada 1 Oktober hingga 24 November 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 2.6% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding

dengan yen Jepun (1.6%) dan euro (0.4%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 0.8%. Ringgit menambah nilai antara 0.6% hingga 2.6% berbanding dengan mata wang serantau.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat penurunan yang lebih kecil sebanyak -1.6% pada bulan Oktober. Seperti pada bulan sebelumnya, penurunan yang lebih kecil dalam paras harga pengguna disebabkan terutamanya oleh luputnya pelarasan harga runcit bahan api pada tahun lepas. Inflasi yang lebih tinggi juga dicatat dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau*, iaitu pada 2.9% disebabkan oleh penambahan duti eksais sebanyak satu sen bagi setiap batang rokok yang dikenakan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 2009.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 9.2%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM7.9 bilion disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang meningkat dan pembiayaan kepada sektor swasta yang lebih tinggi melalui sistem perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.5% dan 13%. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih terus stabil pada 2.1%, manakala agregat nisbah peruntukan hutang ragu dan lapuk melebihi 90%.

Kadar faedah stabil pada bulan Oktober

Pada tempoh 1 Oktober – 24 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Oktober hingga November. Pada 15 November, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) tidak berubah pada 5.51% pada 15 November. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) juga terus stabil pada 4.91% pada akhir bulan Oktober (4.91% pada bulan September dan 4.90% pada bulan Ogos).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil



BNM terus menyerap mudah tunai berlebihan



BLR and ALR bank perdagangan terus stabil



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit secara relatif stabil

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sept 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
Okt 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
15 Nov 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50

Kadar deposit tetap purata tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan



Kadar deposit tetap benar sederhana sedikit

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada 1 Oktober hingga 24 November 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 2.6% berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh sentimen pelabur yang menggalakkan terhadap pasaran kewangan serantau berikutan tanda-tanda pemulihan selanjutnya dalam ekonomi serantau dan global. Sentimen positif ini juga terus didorong oleh pengumuman pemimpin-pemimpin G20 dan APEC bahawa langkah-langkah rangsangan bagi menyokong pertumbuhan global akan diteruskan. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.6%) dan euro (0.4%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling sebanyak 0.8%. Ringgit menambah nilai antara 0.6% hingga 2.6% berbanding dengan mata wang serantau.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama



Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Sept 09	Okt 09	24 Nov 09	Akhir Dis 08 - 24 Nov 09	Akhir Sep 09 - 24 Nov 09
Dolar AS	3.4640	3.4745	3.4075	3.3870	2.3	2.6
Euro	4.8759	5.0799	5.0617	5.0620	-3.7	0.4
Paun sterling	4.9989	5.5679	5.6490	5.6116	-10.9	-0.8
100 yen Jepun	3.8327	3.8698	3.7328	3.8105	0.6	1.6
Dolar Singapura	2.4070	2.4573	2.4398	2.4433	-1.5	0.6
100 baht Thailand	9.9398	10.361	10.198	10.188	-2.4	1.7
100 peso Filipina	7.2774	7.3325	7.1760	7.1949	1.1	1.9
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0359	0.0357	0.0357	-11.3	0.7
100 won Korea	0.2750	0.2946	0.2882	0.2930	-6.1	0.6
Renminbi China	0.5076	0.5089	0.4991	0.4960	2.3	2.6

Inflasi bertambah baik kepada -1.6%

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat penurunan yang lebih kecil sebanyak -1.6% pada bulan Oktober (September: -2.0%). Seperti pada bulan sebelumnya, penurunan yang lebih kecil dalam paras harga pengguna disebabkan terutamanya oleh luputnya pelarasan harga runcit bahan api pada tahun lepas. Harga dalam kategori *pengangkutan* merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -13.2% pada bulan Oktober (September: -16.2%). Inflasi yang lebih tinggi juga dicatat dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau*, iaitu 2.9% (September: 0.1%) disebabkan oleh penambahan duti eksais sebanyak satu sen bagi setiap batang rokok yang dikenakan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 2009. Walau bagaimanapun, perubahan ini telah diimbangi oleh penyederhanaan inflasi yang berterusan dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan penurunan harga yang lebih cepat dalam kategori *pakaian dan kasut*.



Inflasi bertambah baik kepada -1.6%



Harga pengeluar terus merosot pada kadar lebih perlahan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus merosot pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 9.6% pada bulan September (Ogos: -10.0%). Sebanyak tujuh daripada sepuluh kategori dalam IHPR mencatat paras harga yang lebih tinggi berbanding dengan bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, harga dalam komponen IHPR berasaskan komoditi merosot pada kadar yang lebih cepat sebanyak -24.4% pada bulan September (Ogos: -24.0%). Dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi, harga merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -2.4% (Ogos: -3.1%).

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR tempatan dan diimport terus merosot pada kadar yang lebih perlahan. Berbanding dengan paras harga pada tahun lepas, harga komponen IHPR tempatan merosot 13.1% (Ogos: -13.3%), manakala harga komponen diimport pula merosot 2.0% (Ogos: -2.9%).



Harga pengeluar terus merosot pada kadar yang lebih perlahan

M3 meningkat pada kadar yang lebih cepat pada bulan Oktober

Pada bulan Oktober, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih cepat sebanyak 9.2%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM7.9 bilion disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang meningkat dan pembiayaan kepada sektor swasta yang lebih tinggi melalui sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan M3 sebahagiannya diimbangi oleh penurunan aset asing bersih institusi perbankan.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 09	**Ogos 09**	**Sept 09**	**Okt 09**
M3	10.5	11.9	2.4	7.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-0.1	-0.3	1.1	5.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	11.5	4.4	5.0	4.3
Pinjaman	*8.1*	*5.7*	*5.6*	*5.3*
Sekuriti	*3.4*	*-1.3*	*-0.6*	*-1.0*
Aset luar bersih *	-0.4	11.2	-7.0	-3.0
Pengaruh lain	-0.4	-3.4	3.3	1.0

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan menurun sedikit pada bulan Oktober

Pada bulan Oktober, jumlah deposit dalam sistem perbankan menurun sedikit, iaitu sebanyak RM0.6 bilion daripada bulan sebelumnya (September: +RM9.7 bilion). Pada asas tahunan, jumlah deposit bertambah sebanyak 9% (September: 8.1%). Penurunan kecil dalam deposit pada bulan Oktober mencerminkan terutamanya pengeluaran *instrumen deposit boleh niaga* yang telah matang oleh institusi perbankan. Meskipun jumlah deposit menurun, deposit perusahaan perniagaan meningkat sebanyak RM8.9 bilion pada bulan Oktober terutamanya dalam bentuk deposit *Sistem Perbankan Islam* dan deposit *lain*. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penghantaran balik perolehan eksport, pembayaran bagi perbelanjaan Kerajaan di samping penebusan sekuriti Kerajaan pada bulan tersebut.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 09	**Ogos 09**	**Sep 09**	**Okt 09**
Kerajaan Persekutuan	81	599	-1,196	-2,373
Kerajaan Negeri	-567	1,257	-404	-695
Badan Berkanun [1]	28	1,009	-2,197	453
Institusi Kewangan	-6,557	3,511	13,049	-7,275
Di Antaranya:				
Institusi Perbankan	*-8,862*	*-789*	*8,447*	*-5,495*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*2,152*	*4,191*	*3,444*	*-1,080*
Perusahaan Perniagaan	4,437	4,190	-1,061	8,952
Individu	2,246	-1,595	94	469
Lain-lain [2]	1,191	1,081	1,422	-161
Jumlah	859	10,052	9,709	-630

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 09	**Ogos 09**	**Sep 09**	**Okt 09**
Deposit tetap	-3,124	-162	681	-1,336
NID	-10,188	-935	7,029	-8,008
Deposit permintaan	-988	1,350	2,650	-987
Deposit tabungan	752	-578	546	-335
Perjanjian beli balik (Repo)	17	-136	555	-348
Deposit mata wang asing	455	7,117	-469	-462
Deposit SPI [1]	2,095	-785	-213	4,690
Lain-lain [2]	11,840	4,183	-1,070	6,155
Jumlah	859	10,052	9,709	-630

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta terus meningkat pada bulan Oktober

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal terus kukuh pada RM62 bilion pada bulan Oktober (September: RM61.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran pinjaman melalui sistem perbankan. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.5% pada akhir bulan Oktober (September: 7.2%).

Pengeluaran pinjaman lebih tinggi pada bulan Oktober



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Kebanyakan penunjuk pinjaman terus bertambah baik…



Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Sep-09	Okt-09	J-O 09	Sep-09	Okt-09	J-O 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	40.9	48.9	430.4	3.6	38.3	5.4
Kelulusan pinjaman	23.3	25.0	234.5	1.5	25.4	-6.3
Pengeluaran pinjaman	54.1	57.9	526.6	-1.9	10.1	-1.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.8	5.4	42.6	7.2	7.5	7.5
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	18.2	22.0	198.5	-8.2	18.8	-6.2
Kelulusan pinjaman	9.7	10.2	100.7	-11.2	12.1	-21.1
Pengeluaran pinjaman	35.1	37.3	350.1	-10.4	-2.6	-8.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.6	1.1	4.1	0.5	1.0	1.0
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	8.8	10.7	85.5	-5.1	51.1	-2.4
Kelulusan pinjaman	4.4	4.5	37.1	18.0	20.4	-20.0
Pengeluaran pinjaman	11.8	12.6	117.6	-17.2	-6.6	-14.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/ 3/]	0.3	-0.9	-6.3	-4.3	-5.2	-5.2
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	22.6	26.9	231.9	15.6	59.7	17.8
Kelulusan pinjaman	13.6	14.8	133.8	12.9	36.7	9.1
Pengeluaran pinjaman	18.9	20.6	176.4	19.1	44.6	15.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.9	4.3	30.8	9.1	9.7	9.7

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan merosot sedikit sebanyak 2% pada asas tahunan pada akhir Oktober 2009.

…merentas sektor perniagaan dan sektor isi rumah



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Permintaan bagi pembiayaan terus bertambah baik pada bulan Oktober. Sektor isi rumah mencatat permohonan dan kelulusan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya untuk pembelian *harta kediaman dan bukan kediaman*, *kereta penumpang* dan bagi membiayai *perbelanjaan kad kredit*. Pengeluaran pinjaman juga telah meningkat, menyebabkan pinjaman isi rumah terkumpul terus bertambah pada kadar tahunan 9.7% pada bulan Oktober (September: 9.1%).

Peningkatan permohonan pinjaman yang menyeluruh dalam kebanyakan sektor menyokong permintaan bagi pembiayaan oleh sektor perniagaan. Pada asas bulanan, pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan Oktober menyebabkan pinjaman perniagaan terkumpul terus meningkat sebanyak RM1.1 bilion (September: RM0.6 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat kepada 1% pada akhir bulan Oktober (akhir September: 0.5%)

Terbitan bon dolar AS yang pertama dalam pasaran modal dalam negeri

Aktiviti pemerolehan dana oleh sektor swasta terus menggalakkan pada bulan Oktober. Pemerolehan dana kasar dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berjumlah RM3.8 bilion. Sejumlah besar dana diperoleh sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang besar untuk tujuan pelaburan. Di samping itu, terbitan bon dalam denominasi mata wang asing yang pertama telah dilaksanakan pada bulan Oktober oleh sebuah syarikat perkilangan tempatan. Terbitan ini adalah terutamanya untuk pengembangan perniagaan syarikat tersebut pada masa hadapan. Sementara itu, pemerolehan dana dalam pasaran ekuiti berjumlah RM371 juta, terutamanya melalui terbitan hak oleh syarikat-syarikat dalam sektor *kewangan* dan sektor *perdagangan dan perkhidmatan*. Dalam sektor awam, dana berjumlah RM8 bilion telah diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 10.5 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun. Mencerminkan jumlah penebusan yang besar oleh

sektor awam pada tempoh tersebut, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal mencatat penebusan bersih yang kecil sebanyak RM13 juta.



KLCI lebih tinggi pada bulan Oktober

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada bulan Oktober pada 1,243.23 mata (akhir September: 1,202.08) didorong oleh keuntungan menyeluruh dalam semua sektor. Sentimen pelabur terus bertambah baik dalam keadaan prospek pemulihan ekonomi global yang lebih kukuh. Kesanggupan mengambil risiko yang meningkat oleh pelabur dalam pasaran pesat membangun termasuk Malaysia juga menyumbang kepada peningkatan keuntungan. Permodalan pasaran meningkat kepada RM927.6 bilion (sejak akhir September: +2.9%) dan urus niaga purata harian meningkat kepada 955 juta unit (September: 718 juta unit).



KLCI lebih tinggi pada bulan Oktober

Pada 24 November, FBM KLCI lebih tinggi pada 1,272.09 mata (sejak akhir Oktober: +2.3%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM982 bilion (sejak akhir Oktober: +4.8%).

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.6 bilion (bersamaan dengan USD96 bilion) pada 30 Oktober 2009. Pada 13 November 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM334.8 bilion (bersamaan dengan USD96.1 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan sistem perbankan kukuh dan paras pinjaman tak berbayar stabil

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.5% dan 13%. Jumlah pinjaman tak berbayar menurun sebanyak 1.2%, dengan pembayaran balik yang berterusan, penyusunan semula yang berhemat dan hapus kira oleh institusi perbankan. Nisbah pinjaman tak berbayar terus stabil pada 2.1%, manakala agregat nisbah peruntukan hutang ragu dan lapuk melebihi 90%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Ogos 09	Sep 09	Okt 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	12.7	13.0	12.9
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.4	14.6	14.5
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.1	2.1	2.1
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,057	15,532	15,979
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Permodalan sistem perbankan terus kukuh...



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus stabil

Bank Negara Malaysia
25 November 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Ogos 09		Sept 09		Okt 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.1	-22.0	55.8	-24.2	52.6	-24.3
M1		188.2	7.8	191.4	6.5	191.0	10.6
M2		945.4	8.3	949.8	7.5	955.5	9.7
M3		972.8	7.5	975.2	6.8	983.1	9.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		1,008.6	8.1	1,018.3	8.1	1,017.6	9.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		758.9	7.3	763.7	7.2	769.1	7.5
Nisbah pinjaman-deposit (%) [1]		78.4		78.9		79.0	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [1 & 2]		85.2		85.8		85.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		43.3	-16.8	40.9	3.6	48.9	38.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		23.0	-21.1	23.3	1.5	25.0	25.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		51.7	-6.9	54.1	-1.9	57.9	10.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		45.0	-2.7	49.2	-2.8	52.2	4.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.6		14.5		14.5	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.1		2.1		2.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		329.1		334.3		334.6	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		93.3		95.9		96.0	
Bilangan bulan import tertangguh		9.5		9.9		9.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.00 [2.02]		2.03 [2.03]		2.02 [2.03]	
	1 bulan	2.07 [2.07]		2.07 [2.07]		2.07 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.00		2.00		2.00	
	3 bulan	2.03		2.03		2.03	
BLR bank perdagangan		5.51		5.51		5.51	
ALR bank perdagangan		4.90		4.91		4.91	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		112.1	-2.4	112.4	-2.0	112.5	-1.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.7	-10.0	131.5	-9.6	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5260		3.4745		3.4075	
Euro		5.0621		5.0799		5.0617	
Paun Sterling		5.7356		5.5679		5.6490	
100 Yen Jepun		3.7631		3.8698		3.7328	
Dolar Singapura		2.4441		2.4573		2.4398	
100 Baht Thailand		10.3645		10.3608		10.198	
100 Peso Filipina		7.2221		7.3325		7.1760	
100 Rupiah Indonesia		0.0349		0.0359		0.0357	
100 Won Korea		0.2833		0.2946		0.2882	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	9.5		-2.4		-2.9	
	swasta	-0.2		5.4		2.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,174.3		1,202.1		1,243.2	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		893.9		910.5		936.5	

[1] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.